

# Wartakan wilayah Sabah, Sarawak

Oleh **SURAI DAH ROSLAN**  
utusannews@mediamulia.com.my

**KOTA KINABALU:** Status wilayah Sabah dan Sarawak perlu dikembalikan seperti yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

Presiden Parti Warisan Sabah (Warisan), Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal berkata, pindaan Perkara 1(2) itu telah diluluskan di Dewan Rakyat.

“Bukan tiada keperluan untuk mengembalikan status wilayah, itu memang salah satu daripada kelainan yang membolehkan Sabah dan Sarawak sebagai entiti yang mempunyai bidang kuasa tertentu.

“Itu memang antara perjanjian yang telah termaktub dan sejak di peringkat awal semasa MA63 dimeterai, ia membabitkan wilayah Persekutuan Tanah Melayu dan juga Borneo Utara ketika pemerintahan British di Borneo,” katanya mengulas kenyataan bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Parlimen), Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar bahawa status Sabah dan Sarawak perlu kekal sebagai negeri.



**MOHD. Shafie Apdal** menghadaikan angpau kepada orang ramai di Tanjung Aru, Kota Kinabalu, semalam.

Beliau sebelum itu mengunjungi majlis Tahun Baharu Cina oleh Naib Presiden Warisan, Datuk Junz Wong, semalam.

Sebelum ini, Wan Junaidi berkata, perubahan status itu dikhuatiri mengundang masalah lebih besar kerana ia meli-

batkan pindaan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Sementara itu, Mohd. Shafie berkata, perubahan status itu akan membolehkan Sabah dan Sarawak mempunyai beberapa bidang kuasa yang berbeza berbanding negeri-negeri lain.

Pada masa ini, Sabah dan Sarawak mempunyai bidang kuasa imigresen dan ia tidak dimiliki oleh mana-mana negeri di Semenanjung Malaysia.

Dalam bidang perundangan, kedua-dua wilayah ini turut mempunyai kuasa untuk me-

nyekat peguam-peguam Semenanjung Malaysia dari mengamalkan khidmat guaman mereka di Sabah.

Ahli Parlimen Semporna itu berkata, sehingga kini, peguam-peguam Semenanjung tidak boleh memberi dan mengamalkan khidmat guaman mereka di negeri ini.

“Saya yakin apa yang penting adalah meletakkan kembali status wilayah itu pada landasan sepatutnya.

“Tapi bukan itu sahaja, tuntutan-tuntutan lain seperti yang diumumkan Anwar (Datuk Seri Anwar Ibrahim) juga menunjukkan kelainan yang diberi kepada Sabah dan Sarawak seperti pemberian geran khas,” katanya.

Jumaat lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan Sarawak akan menerima geran pemberian khas berjumlah lebih RM300 juta pada tahun ini, iaitu peningkatan 19 kali ganda berbanding geran RM16 juta yang diterima sebelum ini.

Anwar memberikan kelulusan geran yang dituntut menerusi formula geran pemberian khas mengikut Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan.